

Tokoh agama puji ketegasan PM suarakan isu Islamofobia

Pemimpin dunia perlu tegas bantah tindakan bakar al-Quran, galak sikap toleransi

Kuala Lumpur: Ketegasan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyuarakan isu membabitkan Islamofobia di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) Ke-78 mencerminkan komitmen kerajaan dalam mempertahankan kesucian agama Islam.

Rata-rata pakar dan tokoh agama berkongsi pandangan sama apabila Perdana Menteri menyatakan ketegasan dalam Kenyataan Negara di UNGA Ke-78 di New York semalam berhubung isu Islamofobia yang melanda dunia kini yang disifatkan satu pendirian terpuji.

Bagi Mufti Pulau Pinang, Datuk Dr Wan Salim Wan Mohd Noor, selain pendirian terpuji Malaysia dan Turkiye dalam menangani isu itu, kesemua negara Islam yang lain juga perlu tegas

secara kolektif agar usaha ini dapat memberi impak positif dengan penglibatan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

Beliau berkata semua pemimpin dunia Islam harus membantah tindakan sesetengah negara yang membakar al-Quran kerana ia dilihat mampu memberi ingatan keras kepada negara berkenaan supaya tidak mengulangi tindakan itu.

"Al-Quran tidak mengajar pembacanya membenci dan memusuhi, sebaliknya menggalakkan sikap bertoleransi dan saling menghormati antara seluruh manusia tanpa mengambil kira perbezaan agama, keturunan dan budaya," katanya ketika dihubungi *BERNAMA* semalam.

"Al-Quran tidak mengajar pembacanya membenci dan memusuhi, sebaliknya menggalakkan sikap bertoleransi dan saling menghormati antara seluruh manusia tanpa mengambil kira perbezaan agama dan budaya"

Wan Salim Wan Mohd Noor,
Mufti Pulau Pinang

Sementara itu Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohammad Nizam Abd Kadir, berkata inisiatif kerajaan mencetak satu juta naskhah al-Quran untuk didedarkan di seluruh dunia adalah antara langkah terbaik dalam mengekang isu terbabit.

Bagaimanapun, beliau berpandangan penganjuran sesi dialog dan debat agama juga perlu diangkat dengan matlamat utama untuk mengenali titik persefahaman dalam aspek perbezaan dan persamaan setiap agama.

"Kita perlu nyatakan bahawa umat Islam akan bangun membela jika hak setiap agama di-

nafikan dan kitab suci setiap agama dihina. Ini kerana Islam sendiri tidak membenarkan penghinaan dilakukan terhadap mana-mana agama," katanya.

Contohi Turkiye

Dalam pada itu, Naib Yang Dipertua Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Prof Dr Ridhuan Tee Abdullah berpandangan kerajaan perlu konsisten dalam usaha menyedarkan dunia mengenai isu-isu membabitkan Islamofobia.

"Malaysia sepatutnya mencontohi Turkiye. Dalam kalangan negara Islam, memang Turkiye agak terkedepan mempertahankan Islam. Jadi, sudah tentu Malaysia memerlukan rakan sebe-

gini untuk bersolidariti dalam mempertahankan dan memperjuangkan Islam," katanya.

Kelmarin, Anwar dalam Kenyataan Negara yang disampaikan pada sesi Debat Umum UNGA-78 di Ibu Pejabat PBB di New York, Amerika Syarikat berkata Malaysia bimbang dengan kemunculan "bentuk perkauman baharu" yang dicirikan oleh xenofobia, pemprofilan negatif dan stereotaip umat Islam.

Dalam ucapan sama, Anwar turut menyentuh beberapa isu seperti insiden membakar Al-Quran, tindakan kekejaman rejim zionis terhadap Palestin, selain turut menggesa agar isu Russia-Ukraine dapat diselesaikan oleh PBB. - *BERNAMA*

"Kita perlu nyatakan bahawa umat Islam akan bangun membela jika hak setiap agama dinafikan dan kitab suci setiap agama dihina. Ini kerana Islam sendiri tidak membenarkan penghinaan dilakukan terhadap mana-mana agama"



Mohammad Nizam Abd Kadir,
Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, UPM